

'Car booth sale' terbesar catat sejarah dalam MBOR



Shahlizam (tengah) menyerahkan sijil penganugerahan MBOR kepada penganjur.

BATU PAHAT - Majlis Penyelaras Gabung NGO Melayu Negeri Johor (Gabung) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mencipta sejarah tersendiri apabila usaha mereka membuatkan hasil sehingga tersenarai dalam Malaysia Book of Records (MBOR).

Usaha berkenaan yang turut mendapat kerjasama daripada Kumpulan Usahawan Mobile Fiesta (KUMF) dan Persatuan Kepolisan Komuniti (CP) Batu Pahat dengan menggabungkan usahawan muda yang berniaga secara 'car booth sale', di mana ia berjaya mengumpulkan seramai 579 peniaga seluruh negara.

Wakil MBOR, Mohd Shahlizam Mohyi berkata, tujuan utama program berkenaan ialah untuk menggalak-

kan masyarakat terutamanya golongan muda menceburi bidang perniagaan.

Menurutnya, dengan kejayaan ini, pihak penganjur dianugerahkan 'Most Number of Vendors Participating in a Car Boot Sales Carnival' yang merupakan pertama seumpamanya di negara ini.

"Gelaran diberikan MBOR ini adalah sebagai galakan kepada penganjur agar mereka akan mampu menarik lebih ramai lagi untuk orang ramai berniaga di bawah mereka.

"Selain Gabung, UTHM, KUMF dan CP, penganjuran karnival ini turut mendapat kerjasama yang baik daripada Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) dan beberapa NGO yang lain," katanya.

Beliau berkata sedemikian pada penyerahan anuge-

rah terbabit yang turut dihadiri Penolong Naib Canselor, Hubungan Industri dan Masyarakat UTHM, Profesor Datuk Dr Abdul Razak Omar.

Hadir sama, Presiden Majlis Penyelaras Gabung, Zaini Atan, Pengurus KUMF, Ja'affar Hashim, Penasihat Eksekutif CP Batu Pahat, Datuk Andy Low Leong Huat dan Penyelaras Program, Anim Zalina Azizan.

Dalam pada itu, Zaini berkata, program mengumpulkan usahawan secara 'car booth sale' bukan kali pertama diadakan di negeri ini, malah ia nyata telah diadakan beberapa kali sebelum ini.

Namun, pada kali ini ia adalah yang terbesar dan berharap mampu mempopularkan kaedah perniagaan seperti ini, yang tidak asing di negara luar.